



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 24 OGOS 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	WORLDLY WINDS OF PAIN AND GAIN, NEWS, THE STAR MALAYSIA SEA OF TEARS AND JOY, NEWS, THE STAR -1,3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
3.	MELAKA PERKETAT SYARAT TAMBAK LAUT, SENTRAL, BERITA HARIAN -83	JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN (JPS)
4. 5. 6.	BUBU NAGA ANCAM HIDUPAN LAUT, NEGARA, KOSMO -9 FISHMONGERS CAUGHT SELLING BOMBED FISH TO LOSE LICENCES, HOME, BORNEO POST(KK) -4 LANGKAH SEKAT AKTIVITI TANGKAPAN SAMPINGAN, CENDEKIAWAN, KOSMO -23	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
7. 8. 9.	KOREK PASIR, TAMBAK LAUT JADI PUNCA, BERITA HARIAN -1 KOREK PASIR JEJAS HASIL LAUT, NASIONAL, BERITA HARIAN -12 HIDUP NELAYAN, KIAN TERHIMPIT, PENDAPATAN MEROSOT, NASIONAL, BERITA HARIAN -13	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	JAGUNG PESIRIS SUNGAI KELANTAN DAPAT SAMBUTAN, PANTAI TIMUR, SINAR HARIAN -32 KERAJAAN LAKSANA PROJEK AET UNTUK PEKEBUN KECIL GETAH-JUNZ, NEWS, BORNEO TODAY ENGINEER TURNS INTO FARMERS, NEWS, CHINA PRESS(MELAKA) FASTGROW FERTILIZER BAJA TEKNOLOGI TEMPATAN, KOSMO -17 TEKNOLOGI SERAP BAJA DARI BATANG POKOK, RENCANA UTAMA, KOSMO -18 TEKNOLOGI SERAP BAJA DARI BATANG POKOK, RENCANA UTAMA, KOSMO -19 BAJA MAMPU TINGKAT HASIL PERTANIAN, RENCANA UTAMA, KOSMO -19	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Worldly winds of pain and gain		
MediaTitle	The Star Malaysia (www.thestar.com.my)		
Date	24 Aug 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	3
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,350
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,050

Worldly winds of pain and gain

Sim (centre) and Noraisyah (second right) speaking to one of the fish farmers during their visit to the fish farms.

HELPLESSLY, fish farmer Teoh Tiong Hai and his friends watched as anglers on boats gleefully surrounded their floating fish farms and hook...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Worldly winds of pain and gain		
MediaTitle	The Star (Metro North)		
Date	24 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	34,093
Page No	1,3	Readership	102,279
Language	English	ArticleSize	1331 cm ²
Journalist	ARNOLD LOH	AdValue	RM 33,354
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,062



Sea of tears and joy

Saddened by losses estimated at RM29mil caused by the tail winds of Typhoon Lekima, fish farmers could only watch helplessly as anglers gleefully catch the fishes that have escaped from the wrecked cages in Penang seas. >3



Torn apart: At least 20 tonnes of fish are gone from the 12 cages ripped open on this floating fish farm off Sungai Udang in south Seberang Prai when the tail winds of Typhoon Lekima struck Penang on Aug 9. – ZAINUDIN AHAD/The Star

Headline	Worldly winds of pain and gain		
MediaTitle	The Star (Metro North)		
Date	24 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	34,093
Page No	1,3	Readership	102,279
Language	English	ArticleSize	1331 cm ²
Journalist	ARNOLD LOH	AdValue	RM 33,354
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,062



Sim (red life vest) and State Fisheries Department director Noraisyah Abu Bakar (with tudung) inspecting the damage to one of the Sungai Udang fish farms caused by the recent strong wind that hit Penang. — Photos: ZAINUDIN AHAD/The Star

Worldly winds of pain and gain

Fish farmers watch in despair as anglers catch fishes from wrecked cages



Sim (centre) and Noraisyah (second right) speaking to one of the fish farmers during their visit to the fish farms.

By **ARNOLD LOH**
arnold.loh@thestar.com.my

HELPLESSLY, fish farmer Teoh Tiong Inai and his friends watched as anglers on boats gleefully surrounded their floating fish farms and hooked up their escaped livestock.

There was nothing the fish farmers of Sungai Udang in south Seberang Perai could do.

The tail winds of Typhoon Lekima ripped apart their floating cages and close to 800 tonnes of their fish escaped.

But instead of swimming off into the open sea, the fishes continued to circle around the cages, where they were used to being fed.

Teoh said for a few days after the storm on Aug 9, over a 100 charter boats full of anglers surrounded their farms.

"We felt so sad. While we were trying to save our farms, the anglers were laughing as they landed the escaped fish," he said.

Soon after the storm on Aug 9, local angling groups on Facebook started sharing photos of fish cages torn apart by the raging sea with the caption, "Berita baik" (Good news).

On social media, many anglers

posted grinning pictures of themselves with ice boxes full of fish on board their boats.

Most of the fishes caught were Golden Snappers (Jemahak), Mangrove Jacks (Siakap Merah), Red Snappers (Ikan Merah), and Trevally (jemuduk) of more than 1kg each.

In videos that anglers shared, they were seen catching fish after fish so fast that they did not even have time to stash the catches into the ice box.

Surrounded by tens of fish struggling on the decks, the anglers quickly baited their hooks anew and caught the next one within a few seconds.

Teoh said some farmers lodged police reports because they saw anglers casting their bait into fish cages that were not torn apart, which is tantamount to stealing.

"The marine police quickly came. When the charter boats saw the police, they moved away. But when the police left, they quickly went back to the broken farms," he said.

Teoh, who has been a fish farmer in Sungai Udang all his life, said this was the second time he had seen the weather wreak so much destruction on their farms.



A photo shared on social media of two anglers with a haul of about 100 Golden Snappers and Red Snappers caught off the Sungai Udang floating fish farms after Typhoon Lekima's tail winds tore apart many of the farms on the night of Aug 9.

"The first time I saw this was in 2004, when the tsunami hit us," he said.

On Sunday, Deputy Agriculture and Agro-Based Minister Sim Tze Tzin visited the cluster of about 150 floating fish farms, which can be seen by bridge users to the left of

the island-bound side of the second Penang bridge.

Sim said the ministry estimated that the fish farmers lost about RM29mil in the storm.

The ministry is looking for ways to help the farmers get back on their feet.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	BERITA HARIAN	SENTRAL	83

Melaka perketat syarat tambak laut

Jasin: Kerajaan Melaka menuntutkan sebarang perancangan baharu bagi kerja tambakan laut harus melepasi Laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) dan laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) sebelum dapat diteruskan.

EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau negeri, Datuk Tey Kok Kiew, berkata ketegasan ini bagi memastikan kesan jangka masa panjang, khususnya kepada persekitaran, alam sekitar dan impak sosial, terutama kepada nelayan tempatan.

"Agensi kerajaan, termasuk Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) juga harus menjalankan kajian hidraulik supaya semakan dapat dibuat sama ada memberi kesan hakisan atau mendapan terhadap sebarang projek pembangunan, termasuk tambakan laut.

"Di bawah pentadbiran kera-

jaan hari ini, selain harus mela-
mahuhi laporan EIA, SIA dan ka-
jian hidraulik, perlu ada perancan-
cangan pembangunan sebelum
boleh membuat kerja tambakan
"Kita turut menetapkan kawasan
tambakan perlu menyediakan se-



**Kita turut
menetapkan**

**kawasan tambakan
perlu disediakan
sekurang-kurangnya
30 darjah bukan
di muara asal.**

**Tey Kok Kiew,
EXCO Perumahan, Kerajaan
Tempatan, Alam Sekitar dan
Teknologi Hijau Melaka**

kurangkurangnya 30 darjah bukan
di muara asal yang mengikut garis
panduan seputuhnya," katanya.

Beliau mengulas laporan *BH*
berhubung arus laut yang didak-
wa akibat daripada penambakan
sejak berpuh tahun lalu me-
nyebabkan kawasan di muara
sungai di Jasin yang menempa-
kan sembilan jeiti nelayan terjejas
teruk kerana dipenuhi menda-
pan selut dan lumpur.

Kira-kira 400 nelayan tempatan
di daerah Jasin termasuk 309
yang berdaftar dengan Persatuan
Nelayan Kawasan Jasin mendak-
wa pendapatan mereka terjejas
akibat daripada perubahan eko-
sistem yang berlaku, sekali gus
menyunkarkan nelayan untuk me-
nangkap ikan setiap hari.

Kok Kiew berkata, faktor tam-
bakan laut bukan satu-satunya
impak yang menyebabkan per-
ubahan ekosistem, sebaliknya
mendapan lumpur sebagaimana

didakwa nelayan turut disum-
bangkan oleh kesan semula jadi
di Selat Melaka.

"Kita percaya, faktor semula
jadi juga berkait rapat dengan
perubahan alam sekitar yang ke-
sannya tidak boleh diketepikan.
Sebab itu memang kita tegaskan
pentingnya penyediaan laporan
EIA dan SIA dibuat khusus ber-
kaitan tambakan laut," katanya.

Ditanya langkah yang patut di-
lakukan bagi membela nasib ne-
layan, Kok Kiew berkata, sudah
tiba masanya nelayan memeroka
kaedah tangkapan ikan lebih
 maju termasuk mewujudkan
konsortium sesama nelayan.

"Jika diberikan pampasan,
contoh RM1,000 ke RM2,000, ia
akan habis. Sebaliknya, bagi tem-
poh jangka panjang mereka perlu
secara konsortium dengan me-
neroka tangkapan ikan laut da-
lam yang memberi hasil lebih
lumayan," katanya.

APMM rampas alat tangkap ikan ditinggalkan nelayan di KualaPerlis

Bubu naga ancaman hidupan laut

KUALA PERLIS – Sebanyak 19 set bubu naga atau bubu kam-bang dirampas dalam dua siri rondaan pasukan bot peronda Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kuala Perlis.

Rampasan pertama dibuat pada jarak kira-kira 2.2 kilometer ke barat daya Kuala Perlis kira-kira pukul 7.30 malam dan yang kedua pada jarak 5.3 kilometer ke barat Kuala Perlis pada pukul 8.28 malam Khamis lalu.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Nurulazme Zakariah berkata, bot peronda yang melakukan rondaan rutin telah menjumpai pelampung dipasang sebagai penanda kepada bubu naga yang ditinggalkan, masing-masing berukuran 10 meter panjang.

"Penggunaan bubu naga dilarang sama sekali kerana ia mempunyai lebih kurang 20 pintu dan panjang yang boleh mengakibatkan hidupan laut yang kecil turut masuk ke dalam bubu berkenaan sekali gus menyebabkan ekosistem hidupan laut terjejas," katanya dalam satu



PENGUNAAN bubu naga oleh nelayan boleh menyebabkan ekosistem laut terjejas kerana mempunyai lebih kurang 20 pintu yang mengakibatkan hidupan laut kecil turut terperangkap. – Gambar hasan

kenyataan semalam.

Menurut Nurulazme, kesemua hasil ikan seberat 50 kilogram itu berserta bubu naga berkenaan dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala

Perlis.

Kes diatasat mengikut Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

Headline	Fishmongers caught selling bombed fish to lose licences		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	24 Aug 2019	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	4	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 488
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 1,464



Fishmongers caught selling bombed fish to lose licences



Junz

KOTA KINABALU: Minister of Agriculture and Food Industry Datuk Junz Wong said the government was determined to eliminate fish bombing in the state.

"Fish bombing is not only illegal but it is very destructive and dangerous to living things including human lives."

"It also destroys the coral and its ecosystems, and hence fish living ground." Junz said when commenting on the seizure of bombed fish at the Sabah Fish Marketing Sdn Bhd (Safma) market recently by Marine Operations Force

(MOF).

During the joint operations carried out by MOF and Sabah Fisheries Department, 50 kilograms of bombed fish were seized worth RM700 at the Safma market.

"We will not tolerate any forms of illegal fishing methods and will go to the bottom of this fish bombing issues," Junz stressed.

He also said that he had directed the Safma management to cancel licences of fishmongers at the market if they were found guilty of selling bombed fish.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	KOSMO	CENDEKIAWAN	23



TANGKAPAN sampingan di Malaysia kadangkala boleh mencecah sehingga 60 peratus.

CENDEKIAWAN

WWF melaporkan sebanyak 38 juta tan metrik atau mawak 40 peratus tangkapan ikan dunia ketika ini adalah tangkapan sampingan.

Langkah sekat aktiviti tangkapan sampingan



Oleh **DR. MOHD. FAZRUL HISAM ABD. AZIZ**
(mfd.fazrul@um.edu.my)

TANGKAPAN sampingan merupakan satu isu yang semakin mendapat perhatian kerana mengganggu stok perikanan semasa. Tangkapan sampingan boleh dibahagikan kepada normal, samar dan hantu. Tangkapan sampingan normal boleh didefinisikan sebagai tangkapan ikan bukan sasaran menggunakan peralatan perikanan ketika tangkapan ikan dilakukan. Bagi kategori tangkapan sampingan samar pula, ia merujuk kepada kematian ikan yang terperangkap dalam cubaan untuk meloloskan diri. Ikan yang terperangkap selalunya mempunyai kecederaan yang serius kesan akibat jerutan tali ataupun lemas. Kategori ketiga ialah tangkapan sampingan hantu atau turut dikenali sebagai kubur terapung lautan.

Bagi kategori ini, ikan akan terperangkap di dalam alatan perikanan yang hilang daripada lokasi asal, namun masih mampu beroperasi sepenuhnya. Ironinya, kebanyakan hidupan marin yang terperangkap dalam kategori ini akan mati akibat lemas dan kecederaan kesan jerutan. Kebanyakan peralatan perikanan dalam kategori tangkapan sampingan hantu hanya bergantung kepada pelampung sebagai penanda lokasi. Sekiranya berlaku kehilangan di lautan, peralatan perikanan ini amat sukar untuk

dikesan dan masih aktif mencari mangsa. Dana Sedunia Alam Semula Jadi (WWF) melaporkan, sebanyak 38 juta tan metrik atau mawak 40 peratus tangkapan ikan dunia ketika ini adalah tangkapan sampingan. Fakta ini adalah sesuatu yang amat menyedihkan di saat dunia sedang bergelut dengan isu stok ikan yang semakin berkurangan. Di Malaysia sahaja, tangkapan sampingan kadangkala boleh mencecah sehingga 60 peratus khususnya melibatkan tangkapan ikan melalui kaedah pukat tunda. Adakalanya bot-bot pukat tunda turut menceroboh sehingga kawasan perikanan Zon A iaitu kurang daripada 12 batu nautika daripada garis pantai. Peralatan lain pula seperti pukat jerut, pukat hanyut, bubu, rawai dan peralatan perikanan tradisional turut menyumbang sehingga 40 peratus hasil tangkapan ikan sampingan. Antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengurangkan jumlah tangkapan sampingan adalah dengan memperbesarkan mata pukat tunda di bahagian keroncong. Saiz mata pukat yang dibenarkan sekarang oleh Jabatan Perikanan ialah 88 millimeter (mm) malah, beberapa

buah negara seperti Brunei, Myanmar dan Bangladesh telah membesarkan saiz mata pukat tunda kepada lebih 55mm. Pembesaran saiz mata pukat mampu mengurangkan jumlah tangkapan ikan yang tidak mencapai saiz komersial dan ia sekali gus turut mengurangkan jumlah tangkapan sampingan. Selain itu, pengenalan pasti dan pemantauan kawasan perairan yang kaya dengan juvenil ikan juga mampu mengurangkan jumlah tangkapan sampingan. Sebagai contoh, kawasan terumbu karang yang berfungsi sebagai nurseri semula jadi bagi hidupan marin perlu dijaga dan diberikan pemantauan secara khusus agar kelestarian stok perikanan terus terjamin. Pada masa sama, aktiviti penjarahan hasil perikanan negara oleh nelayan-nelayan asing perlu sama dipantau dari

semasa ke semasa agar tangkapan sampingan tidak berlaku pada skala yang lebih besar. Terima kasih kepada agensi-agensi penguatkuasaan negara yang semakin kerap menjalankan operasi-operasi bersepadu bagi mengekang aktiviti penjarahan hasil oleh nelayan-nelayan asing di perairan negara. Dari aspek teknologi pula, penggunaan alat penduga gama merupakan inisiatif yang berkesan bagi mengenal pasti taburan spesies-spesies ikan sasaran tanpa melibatkan jumlah tangkapan sampingan yang tinggi. Selain mampu mengurangkan jumlah tangkapan sampingan, kaedah itu juga mampu menjimatkan masa dan kos operasi bagi aktiviti penangkapan ikan.

●PENULIS adalah penyarah kanan di dalam bidang Teknologi Alatan Perikanan dan Ekologi Perikanan di Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu.



PICUPAK laut yang terperangkap selalunya mengalami kecederaan serius kesan daripada jerutan tali ataupun lemas.

DUNI bergelut dengan isu stok ikan yang semakin berkurangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	BERITA HARIAN		1

Wadah Pembaharuan

BH

Berita Harian

Diterbit sejak 1957 www.bharian.com.my

62

WEIANG 016

Hasil laut makin kurang

Korek pasir, tambak laut jadi punca

Eksklusif

Kegiatan mengorek pasir, penambakan pesisir pantai dan pencerobohan nelayan asing dikesan menjadi punca utama menjejaskan tangkapan hasil laut negara. Selain mengurangkan pendapatan nelayan, penurunan bekalan ini menyumbang kepada kenaikan harga. **Muka 12/13**

Foto: Dewan Bahasa & Pustaka



Korek pasir jejas hasil laut



LKIM mendapati nelayan di Perak dan Selangor adalah di antara negeri terjejas daripada aktiviti mengorek pasir laut.

Muhammad Faiz Fadzil, Pengerusi LKIM



Macam mana mereka buat, kami tak pasti tetapi Pulau Korea memang sudah hilang sekarang.

Nazri Ahmad, Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang

Bekalan kurang pengaruhi kenaikan harga di pasaran

Oleh Rafidah Mohd Ruzki, Wan Noor Hayati Wan Alias, Siti Sofia Md Nasir dan Mohd Zulkipli Zainuddin bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kegiatan mengorek pasir, penambahan pesisir pantai serta pencerobohan nelayan asing adalah di antara punca utama menjejaskan hasil laut nelayan negara ini.

Kemudahan hutan bakau pinggir laut, sama ada akibat hakisan atau penebangan secara haram juga menyebabkan hidupan seperti siput dan kerang semakin pupus.

Selain menjejaskan pendapatan ribuan nelayan tempatan yang selama ini menjadikan pesisir pantai sebagai sumber rezeki mereka, penurunan hasil laut itu turut memberi kesan kepada bekalan, sekaligus menyebabkan kenaikan harganya di pasaran.

Kondaan ini diburukkan lagi oleh pencerobohan nelayan asing di perairan negara yang masih berterusan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil, berkata hasil dialog bersama pihaknya, mendapati nelayan di Perak dan Selangor adalah di antara negeri negeri terjejas daripada aktiviti mengorek pasir laut.

"Bagaimanapun, LKIM tiada kuasa untuk mengawal kegiatan

korek pasir di laut kerana ia terletak di bawah bidang kuasa beberapa agensi kerajaan yang lain.

"Yang pasti, kegiatan ini menjejaskan hasil laut dan mengancam habitat alam sekitar. Kesan langsungnya dirasai nelayan yang beroperasi dalam Zon A," katanya kepada BH.

Muhammad Faiz berkata, walaupun kegiatan terbabit berlesen, ia perlu dipantau oleh pihak berkuasa supaya tiada syarat yang dilanggar hingga menjejaskan ekosistem hidupan laut dan alam sekitar, seterusnya memusnahkan nelayan menjadi mangsa.

"Jika tidak berlesen, tindakan tegas perlu segera diambil terhadap mereka yang terbabit. Berikutan itu, integrasi di antara agensi yang berkaitan dengan laut perlu diselaraskan bagi memastikan tindakan proaktif boleh diambil.

"Isunya ada pelbagai agensi terbabit dalam satu sektor mengikut bidang kuasa masing-masing, justeru di sini patut ada kerjasama di antara satu sama lain," katanya.

Jurucakap Jabatan Perikanan Selangor berkata, pencemaran industri serta aktiviti mengorek pasir laut yang berlaku di Selangor, memberi kesan besar kepada habitat serta populasi ikan serta hidupan laut di Selangor.

"Jika kita lihat kerang, antara 10 hingga 15 tahun lalu, pendaratan hidupan itu kini menurun dengan drastik di Selangor. Pada 10 hingga 15 tahun lalu, kita boleh dapat hasil sehingga 20,000 tan tetapi kebelakangan ini hanya 2,000 hingga 3,000 tan, satu penurunan yang drastik.

"Masalah utama adalah kesan pencemaran, aktiviti mengorek pasir dan masalah lumpur yang ke-

ring menyebabkan banyak benih kerang tidak dapat hidup," katanya.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (PenMutlari), Nazri Ahmad, berkata kegiatan mengorek pasir berhampiran Jambatan Pulau Pinang sejak beberapa tahun lalu didakwa punca utama 'kehilangan' sebuah pulau kecil dikenali Pulau Korea yang terletak bersebelahan kawasan middle bank atau Pulau Gazumbo, dalam kalangan nelayan tempatan negeri itu.

Katanya, beliau dimaklumkan aktiviti mengorek pasir terbabit dilakukan menerusi kaedah sedutan oleh sebuah syarikat paju secara senyap.

"Macam mana mereka buat, kami tak pasti tetapi Pulau Korea memang sudah hilang sekarang. Walaupun tidak ramal yang tahu mengenai Pulau Korea, tapi nelayan di sini cukup tahu mengenai pulau itu," katanya.

Difahamkan, Pulau Korea adalah

pulau kecil seluas kira-kira 0.4 hektar yang diberi nama sempena syarikat kontraktor pembinaan Jambatan Pulau Pinang, Hyundai Engineering & Construction Company yang berasal dari Korea.

Ia dipercayai beting pasir yang berkembar dengan Pulau Gazumbo, iaitu pulau buatan yang terbina pada 1982, susulan pembinaan Jambatan Pulau Pinang.

Nazri berkata, kehilangan Pulau Korea menyebabkan pendapatan nelayan terjejas berikutan sumber maritim semakin musnah dan kawasan tangkapan mengecil.

Pengerusi Persatuan Nelayan Negeri Kelantan (PENNEKA), Alias Hassan, berkata pencerobohan nelayan asing memberi kesan paling buruk kepada sektor perikanan negeri itu.

"Kita kenal pasti ada aktiviti korek pasir berlaku di Kuala Besar sejak tahun lalu, cuma setakat ini tidak memberi kesan serius kepada nelayan negeri ini.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	13



Alat berat mengorek pasir sekitar Kuala Langat. [Foto Roodan Wahid/BH]



Jenitra digunakan untuk mengorek pasir menyebabkan hidupan laut mati dan menjejaskan pendapatan nelayan.



Bekas Pengarah Perikanan Negeri Selangor, Azlisha Ab Aziz ketika menyertai program menanam pokok bakau di pantai Kelanang, baru-baru ini.

Hidup nelayan kian terhimpit, pendapatan merosot

Banting: Pendapatan kira-kira 250 nelayan Pangkalan Kelanang di sini, merosot sehingga 70 peratus, ekoran kegiatan mengorek pasir di luar muara Sungai Langat sejak empat tahun lalu.

Jika sebelum ini masing-masing mampu memperoleh di antara RM3,000 hingga RM4,000 sebulan, kini perolehan mereka merosot hingga di bawah RM1,000 sebulan.

Ketua Pangkalan Kelanang, Zanizam Ismail, mendakwa kemerosotan pendapatan mereka berpunca kemusnahan ekosistem yang berpunca daripada kegiatan mengorek pasir yang dijalankan sekitar enam batu nautika dari muara Sungai Langat, sejak empat tahun lalu.



Zanizam Ismail

Bellau berkata, pemerhatiannya mendapati sekurang-kurangnya 16 kapal besar yang mempunyai panjang sehingga 200 meter; berlabuh dan mengorek pasir di Selat Melaka, setiap hari.

"Kapal-kapal itu akan melalui empat pangkalan iaitu Pangkalan Kelanang, Permatang Pasir, Bandar Banting dan berhenti di Pulau Carey sebelum memindahkan pasir berkenaan ke lorit pengangkut. Peralaiannya, jika mereka ada permit, kenapa perlu takut dengan kehadiran pihak luar.

"Malah, kegiatan dijalankan sebelah siang dan malam. Pengendali kapal korek ini dipercayai bergerak secara berangkat apabila saling berinteraksi di antara satu sama lain. Apabila sebuah kapal mengesan kehadiran bukan penduduk setempat (orang luar) di sini, mereka akan menghentikan operasi," katanya yang percaya kumpulan pengendali kapal itu turut dilindungi tonto.

nautika sebelum pasir dipindahkan ke ponton yang ditarik kapal tunda, manakala kapal pengorek bergerak menurunkan paip sebelum menyedut pasir sambil bergerak.

Kegiatan itu juga mengakis tebing tanaman pokok bakau, menyebabkan pokok tumbang, muara sungai semakin lebar, seterusnya merosakkan tukan dan hidupan laut.

Kadua hari pertama tinjauan BH, sebuah kapal pengorek pasir yang bergerak kira-kira satu batu nautika dari muara Sungai Langat, menghentikan operasi mengorek pasir serta-merta dengan melabuhkan sauh mereka, seabek mengesan kehadiran bot kami.

Zanizam mendakwa, pernah membuat laporan polis selepas di-ugut tonto yang melindungi kegiatan itu kerana dikatakan mengganggu operasi mereka.

Bellau berkata, hasil tangkapan berkurangan menyebabkan harga ikan naik, manakala ada kalanya mengalami kerosakan jaring yang dipasang akibat dilanggar kapal besar terbabit.

Wartawan BH yang menyertai pemantauan selama dua hari dengan menaiki bot nelayan pantai, mendapati kegiatan mengorek pasir bukan hanya dibuat sebelah siang, malah turut beroperasi waktu malam, meskipun masa dibenarkan Jabatan Laut hanya setakat jam 7 malam.

"Tinjauan juga mendapati, kapal dagang dan tongkang turut dikesan berlabuh sesuka hati di kawasan pemasangan jaring nelayan tempatan sehingga merusakkan jaring mereka.

Pengorekan secara statik dibual kapal pada kedudukan 10 batu

Pada hari kedua tinjauan, kegiatan mengorek pasir dikesan dibuat kapal statik kira-kira tiga batu nautika dari muara Sungai Langat, sebelum ia meninggalkan lokasi dengan muatan pasir, pada jam 10 malam.

Sementara itu, seorang nelayan yang ditemui ketika tinjauan di perairan, mendakwa hanya memperoleh sekor ikan selepas lima jam menjerang di laut, berikutan kegiatan korek pasir yang berleluasa.

Nelayan, Aziman, 50-an, berkata kehidupan sebagai nelayan semakin sukar kerana hasil laut yang diperoleh berkurangan.

"Kegiatan kapal pengorek pasir di tengah laut tanpa mengira waktu menjejaskan pembiakan ikan serta menyebabkan laut kotor.

"Pagi ini sahaja, tiga kapal masuk dan dua kapal baru keluar. Mereka mengorek pasir di kawasan yang selama ini menjadi lokasi ikan tenggiri.

"Kami pun tidak tahu mereka ada kebenaran atau tidak. Ketika terserempak, mereka tidak tahu bercakap Bahasa Melayu. Pekerja kapal mereka terdiri daripada Myanmar, Bangladesh, Nepal dan China.

"Apabila sedut pasir, hidupan laut lain akan mati ketika proses pengasingan itu. Sekarang ikan tenggiri semakin sukar ditemui di sini," katanya sambil menunjukkan tong berisi sekor ikan senangin sebesar tapak tangan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	SINAR HARIAN	PANTAI TIMUR	32

Jagung pesisir Sungai Kelantan dapat sambutan

MACHANG - Jagung madu yang diusahakan di Kampung Paloh Rawa sepanjang pesisir Sungai Kelantan kini mendapat permintaan tinggi.

Jagung manis itu turut menjadi

pilihan peraih dari seluruh negeri sebagai bekalan.

Pengusaha, Zulkifli Rani, 71, berkata, dia mula mengusahakan tanaman jagung di tepi Sungai Kelantan itu

sejak 30 tahun lalu dan menjadi sumber pendapatan utama keluarga bagi membesarkan 13 anak.

Katanya, tanaman tersebut mendapat sambutan dalam kalangan penduduk dan ada kalanya di luar jangkaan sehingga bekalan tidak mencukupi.

"Tanaman jagung madu ini diusahakan secara berkelompok melibatkan pelbagai kaum dan umur petani.

"Permintaan yang tinggi juga menarik minat orang muda untuk mengusahakan tanaman ini. Kira-kira 20 petani mengusahakan jagung di sini," katanya.

Zulkifli berkata, selain jagung mereka mengusahakan tanaman lain termasuk timun.

"Rasanya yang manis dan sedap menjadi pilihan penggemar jagung malah ada yang makan mentah. Setakat ini kami tidak mempunyai masalah pasaran kerana sambutan di luar jangkaan.

"Selain petani, tanaman jagung ini menjadi punca rezeki penduduk yang mengambil upah menanam dan mengutip hasilnya," katanya.



Zulkifli melihat kerja-kerja pengalangan mengikut grad sebelum jagung madu diagihkan kepada peraih yang menunggu di kebunnya di Kampung Paloh Rawa Hilir semalam.

Headline	Kerajaan Laksana Projek AET Untuk Pekebun Kecil Getah-Junz		
MediaTitle	Borneo Today (www.borneotoday.net)		
Date	24 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Kerajaan Laksana Projek AET Untuk Pekebun Kecil Getah-Junz

Gambar hiasan.KOTA KINABALU: Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah Datuk Junz Wong berkata Malaysia sebagai pengeluar getah asli kelima terbesar di dunia, adalah antara negara-negara yang terjejas oleh kejatuhan harga komoditi ini. Beliau berkata ...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Engineer turns into farmer		
MediaTitle	China Press (Melaka)		
Date	24 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,073
Page No	C1	Readership	18,219
Language	Chinese	ArticleSize	2506 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 33,565
Frequency	Daily	PR Value	RM 100,695



工程師為親情轉跑道



■黃鎮杰在自家菜園以活力農耕種植的蔬菜，碩大鮮美。

種出健康米

■以活力農耕養好的泥土，食最健康。為此會展現許多調孔。

【馬六甲23日訊】電子電器工程師轉行10年前為了父親與已故大哥而轉作稻農，在接觸活力農耕，逐漸將稻田改為有機耕種，為家人與親友的健康耕耘。

黃鎮杰的父系務農10多年，大埔宜農教士種植稻米，黃鎮杰則在一家電子工廠任電子電器工程師。其大埔和麻坡土氣種植稻，稻田無人打理，又希望他孩子，他也想于大哥的子女建立，他有責任照顧，為此毅然于大埔道下自下武吉南的稻田與機械，種子粒。

基于从小就看稻田與父系，與工人則也種植，黃鎮杰很容易上手，整理稻田逾200畝，多為租地種植。

2014年，由于大埔道非常繁忙，兩人決定嘗試在二十畝地種植自然農耕白米，但產量稀少。直至2017年，兩人于租下農場主力的活力農耕和課程，嘗試用學的方式，果然獲得更好品質的白米。

沒任何化學藥物在船米

“我們在2017年收成第一批活力農耕的船米，拿到食店化驗，沒有發現有任何的化學藥物在船米上，這說明活力農耕成功。”

活力農耕與現今世界上存在最自然生態的農耕方式，它尊重土壤植物，甚至土壤的土壤微生物，展現健康的農業生產。

黃鎮杰說，活力農耕最重要的要素是，土壤健康，農作物在成長過程中不會有農藥，不能省藥也不需施肥料，這是比人工自然的光合作用，農作物就能保持本來面目進行生長。

要養地，就要有耐心，最好地一般至少兩年，這是在多農民力不勝的。



■黃鎮杰的稻田，從剛開始時只能進行活為農耕，迄今已發展成田，果長連食物。



■稻管在收割前經過太陽曬兩三天。



■黃鎮杰讓學生們了解碾米的过程。

開放稻田作教育平台

黃鎮杰與太太藍雪華創立稻田小學，開放活力農耕稻田讓擁有同樣理念的幼教學以帶著學生參與種植及收割，并參與碾米之末，稻田的有與遊客及學生。

藍雪華指出，希望透過教育中性的活動，讓孩子體驗稻米“一分耕耘，一分收穫”，再透過文字，將孩子參與的稻田“一分耕耘，一分收穫”。

稻田小學與數間幼兒園已設立了“愛·傳承基金會”，透過每年一晚上的文藝表演，幫助有需要的。

今年文藝會訂于8月24日(星期六)早上9時至下午3時，在吉蘭丹區發展及傳訊中心舉行。歡迎對文藝、稻米、米粉、活力農耕蔬菜等。

活力農耕區不沾農藥 設一兩百呎緩衝區

為了確保活力農耕的稻田不受周邊的稻田噴灑的農藥影響，黃鎮杰與太太藍雪華在稻田周邊設一兩百呎的緩衝區，而本身其他稻田，也采用无公害的耕種，只使用政府批准的肥料。

黃鎮杰使用活力農耕種植白米及天然香米，不用其他的香米可能比本地多加甜，天然香米沒加任何化學物，化學或合成肥料，還有其他天然香味，白米，才能保持原有的品質，有嚼勁及飽足。

他說，為了確保灌溉用的水不受污染，其稻田使用自己開挖的水溝，儲存雨水灌溉。

“其實，只要將地土養好，土地的收成本會比種植方法多2至3倍，除了剛開始時需投入一筆開支，其後所花的成本比種植稻米，可量度與種植稻米無異。”



■孩子們快樂地參與稻米的收割。



■黃鎮杰(右2)及太太藍雪華(右)讓來自米舖所有參與碾米及收割的孩子，讓他們了解一分耕耘，一分收穫。



■黃鎮杰(右2)及太太藍雪華(右)讓來自米舖所有參與碾米及收割的孩子，讓他們了解一分耕耘，一分收穫。



■孩子們收割後拍打稻殼。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	KOSMO	RENCACA UTAMA	

K
MENYELAMI HIDUP ANDA

**FASTGROW
FERTILIZER BAJA
TEKNOLOGI TEMPATAN**

Lihat muka 18 & 19

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	KOSMO	RENCACA UTAMA	18

RENCANA UTAMA

BEBERAPA produk baja keluaran syarikat Fastgrow Fertilizer (M) Sdn. Bhd.



SHAFRUL menunjukkan cara-cara penyemburan baja FastGrow Fertilizer pada pokok durian di dusun miliknya yang terletak di Serendah, Rawang, Selangor baru-baru ini.



HAMZAH



HAFIZUDIN

Teknologi serap baja dari batang, pokok

Fastgrow Fertilizer merupakan baja cecair boleh diserap oleh mana-mana bahagian pokok yang masih hidup seperti batang, buah dan daun sekali gus meningkatkan kesuburan dan kualiti hasil tanaman dengan lebih berkesan.

POKOK durian nan sebatang itu umpama menanti mati. Banyak dahan telah mati, daun pula tinggal sedikit dan sudah tentu tidak mendatangkan sebarang hasil.

Harapan Shafrul Kadir, 40, untuk melihat pokok itu kembali subur juga semakin tipis. Bagaimanapun, enam bulan lalu, pemilik dusun buah-buahan di Sungai Selaru, Serendah, Rawang, Selangor itu diperkenalkan dengan baja jenama Fastgrow Fertilizer.

Setelah diberitahu oleh penjual kelebihan baja jenis *foliar* atau cecair itu, Shafrul yang mengusahakan dusun buah-buahan sejak dua tahun lalu telah menyembur baja tersebut pada pokok durian berkenaan.

"Pokok durian itu tumbuh pucuk baharu, kembali subur dan nampak semakin cantik. Sudah pasti saya gembira melihat pokok durian itu pulih kembali. Saya juga menyembur dua jenis baja iaitu baja hijau dan baja buah pada pokok-pokok durian lain dan hasilnya pada musim ini buah yang dikeluarkan lebih banyak.

"Saya sembur pada batang pokok sebulan dua kali sama ada pada waktu pagi atau petang. Hasilnya selepas enam bulan, kesuburan pokok meningkat kira-kira 80 peratus. Buah durian lebih besar, berat dan rasanya lebih sedap berbanding sebelum ini," katanya



BAHAN-BAHAN mentah akan disukat secara manual untuk memastikan bancuhan baja yang tepat.

ketika ditemui K2 di dusunnya yang berkeluasan 1.4 hektar itu baru-baru ini.

Dusun tersebut sebelum ini diusahakan oleh arwah ayahnya sejak 1995, namun terbiar selama sembilan tahun sehingga menjadi semak.

Selain 48 pokok durian pelbagai spesies yang telah mengeluarkan hasil, Shafrul turut menanam pokok-pokok durian baharu, manggis, rambutan, petal dan lain-lain. Dalam tempoh enam bulan lalu, dia membelanjakan sebanyak RM2,000 untuk membeli baja sama ada berbentuk cecair atau butiran.

Fastgrow Fertilizer merupakan baja *foliar* campuran kimia yang

mengandungi beberapa elemen yang dibenarkan dan sesuai digunakan sebagai suplemen pada pokok dan buah. Ia dihasilkan oleh syarikat bumiputera, Fastgrow Fertilizer (M) Sdn. Bhd. (Fastgrow Fertilizer) pada tahun 2018 dengan proses yang teliti dan bahan berkualiti diimport dari luar negara.

Pakar tempatan

Ia dibangunkan menggunakan teknologi dan pakar tempatan iaitu seorang bekas pensyarah di Universiti Pertanian Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Kajian tersebut telah dijalankan selama lima tahun. Ini berikutan kebanyakan baja yang berada di pasaran diimport dari Thailand, China dan Taiwan sebelum diberi penjenamaan semula.

Pengaruh Pemasaran Fastgrow Fertilizer, Hamzah Hamid berkata, pihaknya komited untuk memasarkan produk baja keluaran tempatan untuk kegunaan daripada permulaan penanaman pokok sehingga membuahakan hasil.

"Pada peringkat awal, kami seramai empat orang kakitangan memasarkan kepada pelanggan di kawasan kampung dan pekan kecil. Ketika itu, kami mempunyai dua produk utama iaitu baja cecair dan kompaun atau butiran.

"Sekarang kami mempunyai



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	KOSMO	RENCACA UTAMA	19

rangkaiannya produk baja merangkumi kegunaan untuk bunga, padi, kelapa sawit, sayuran dan pokok buah-buahan.

"Kami bermula dengan modal sendiri sebanyak RM26,000. Untuk meyakinkan pelanggan, kami telah memberi produk percuma untuk digunakan pada plot tanaman mereka dalam tempoh masa tertentu. Setiap penggunaan baja, perkembangan pokok dan hasil setiap plot direkodkan. Ternyata pengguna berpuas hati dengan hasil penggunaan baja kami," katanya yang mampu menjual 5,000 botol sebulan.

Perbezaan

Fastgrow Fertilizer juga turut dieksport ke Brunei dan Indonesia. Jelasnya lagi, baja cecair merupakan alternatif terbaik bagi membantu pertumbuhan pokok terutamanya di Malaysia yang sering dilanda musim panas yang menyukarkan penyerapan pokok terhadap baja sedia ada. Baja cecair ini menggunakan teknologi penyerapan baja dari batang, sekali gus mampu meningkatkan mutu dan kualiti hasil tanaman untuk jangka masa panjang.

Pengguna hanya perlu menyembur baja cecair ini pada batang, buah mahupun daun bagi membantu pokok kembali segar dan sihat. Fastgrow Fertilizer yang merupakan baja cecair boleh diserap oleh mana-mana bahagian pokok yang masih hidup seperti batang, buah dan daun.

"Kita boleh lihat perbezaan selepas sebulan petani menggunakan produk ini terutamanya dari segi penghasilan kuantiti buah yang lebih banyak dan gred lebih tinggi. Bilangan buah yang rosak juga berkurangan.

"Contohnya bagi tanaman timun, bagi hasil buah tiga tan biasanya akan rosak dalam 200 kilogram (kg), namun selepas menggunakan Fastgrow Fertilizer bilangan buah rosak kira-kira



BAJA Black Wizard dihasilkan dan dibungkus di kilang yang terletak di Serendah.

50kg sahaja. Ini kerana, haiwan perosak kurang merosakkan buah setelah penggunaan baja kami," katanya yang memiliki kilang di Jitra, Kedah dan Rawang, Selangor.

Menurut Hamzah, Fastgrow Fertilizer juga menjimatkan dari segi penggunaan, masa dan wang selain telah digunakan kira-kira 50,000 orang.

Katanya, ia kerana, seliter baja hijau berharga RM150 untuk ladang kelapa sawit boleh digunakan untuk kawasan seluas 12 hektar dengan kekerapan pembajaan ialah tiga bulan sekali.

Puas hati

"Ini kerana, sawit merupakan komoditi utama negara ini. Kelebihan produk ini pada buah kelapa sawit adalah ia dapat meningkatkan penghasilan buah, OER (perbandingan minyak mentah kelapa sawit) dan kualiti pada buah," katanya.

Dalam pada itu, pesawah di Fida 7, Sanglang, Kedah, Hafizudin Halim, 27, berkata, dia berpuas hati apabila menggunakan baja Fastgrow Fertilizer untuk padi apabila ia membantu pokok di petak sawahnya yang digenangi air selama 23 hari untuk terus hidup.

"Saya merendam benih padi semalaman dan kemudian baru tabur. Kesannya jauh berbeza berbanding musim lepas kerana saya menggunakan produk lain. Walaupun dah terendam lama, pokok menjadi sihat dan membiak



SEORANG pekerja menghasilkan baja Fastgrow Fertilizer di sebuah Kilang di Jitra, Kedah baru-baru ini.

dengan banyak.

"Petak sawah saya terendam lama kerana berada di kawasan lebih rendah berbanding pesawah lain. Saya sanggup berbelanja lebih untuk membeli baja Fastgrow. Sebelum ini satu musim hasil padi adalah 12 tan dan saya jangka musim ini akan meningkat lebih banyak," katanya yang 17 tahun menjadi pesawah.

Hafizudin yang masih bujang mengusahakan sawah seluas 1.5 hektar dan mengerjakannya setiap hari dari pukul 7 pagi hingga 10 pagi dan 5 petang hingga 7 petang.

RENCANA UTAMA

INFO

Fastgrow Fertilizer (M) Sdn. Bhd.

■ Alamat ibu pejabat:
Jalan Dutamas 3, Taman
Dutamas, Cheras, 43200
Balakong, Selangor
■ Telefon: 03-9081 2728
■ E-mel: info@fastgrow.my
■ Laman web: [https://
fastgrow.my/](https://fastgrow.my/)

PETAK sawah sebelah kanan milik Hafizudin lebih subur selepas menggunakan baja Fastgrow Fertilizer berbanding petak sebelah kiri yang tidak menggunakan baja itu.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/8/2019	KOSMO	RENCACA UTAMA	19

Baja mampu tingkat hasil pertanian

PENGUNAAN baja dalam pertanian amat penting bagi memajukan tumbesaran dan tanaman tersebut mengeluarkan hasil yang banyak serta kualiti terbaik



ABDUL SHUKOR

Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, Profesor Abdul Shukor Juraimi berkata, setiap benda hidup perbaiki makanan dan begitu juga tumbuhan. Justeru, baja wajib

digunakan dalam pertanian kerana tanaman yang tidak dibaja biasanya kurus, kecil, terbantut dan hasil juga kurang.

Tambahan pula katanya, jenis tanah di negara ini tidak begitu subur berbanding negara jiran, Indonesia yang mempunyai jajaran gunung berapi yang membantu mengekalkan dan menyuburkan tanah sehingga beratus-ratus tahun.

"Penggunaan baja juga bergantung kepada nutrien di dalam tanah. Baja biasanya mempunyai tiga kandungan utama iaitu nitrogen, fosforus dan kalium atau dikenali sebagai NPK.

"Para pengguna boleh menjadikan kandungan NPK ketika membeli baja sama ada untuk tumbesaran, daun atau buah. Justeru, pengguna boleh menggunakan baja import dan tempatan berdasarkan kandungan

MPK tersebut," katanya ketika dihubungi K2.

Mengulas mengenai baja jenis semburan, beliau berkata, ia dikategorikan sebagai baja mikro dan ia sama penting dengan baja makro tetapi jumlah yang diperlukan tanaman tidak banyak.

"Ia mempercepatkan hasilnya dan jumlah baja yang digunakan juga lebih sedikit kerana penggunaan yang banyak boleh melecurkan daun," katanya.